

PERSOALAN, NILAI DAN PENGAJARAN

Bil	Persoalan	Nilai	Pengajaran	Huraian/Contoh
1	Kegigihan berusaha untuk mengubah kehidupan dan masa depan.	Kegigihan	Kita mestilah gigih berusaha untuk mengubah kehidupan dan masa depan.	<ul style="list-style-type: none"> Hilmi menyedari dia anak kampung yang tidak berpelajaran dan hanya bersekolah darjah 4 sekolah Melayu. Dia sering mendapat penghinaan khususnya daripada Datin Salmah. Hilmi mendapat dorongan daripada Pak Amat supaya berusaha gigih untuk mencapai cita – citanya iaitu menjadi seorang pemuzik dan secara tidak langsung telah mengubah corak hidup dan masa depannya.
2	Cinta dan kasih sayang sesama manusia.	Kasih sayang.	Kita mestilah menyayangi antara satu sama lain.	<ul style="list-style-type: none"> Dapat ditunjukkan melalui kasih sayang antara Hilmi dan Hayati serta cinta dan kasih sayang antara Hilmi dan Azizah. Cinta dan kasih sayang dilihat pada awalnya lebih kepada simpati. Contohnya, Hayati bersimpati dengan nasib Hilmi begitu juga Azizah, bersimpati dengan Hilmi.
3	Agama yang dapat mengembalikan ketenangan hidup	Keimanan.	Kita harus kembali kepada ajaran agama untuk mendapat ketenangan hidup.	<ul style="list-style-type: none"> Hayati ialah seorang gadis yang penuh dengan kebebasan tetapi telah berubah dan berasa tenang setelah mula mendekati agama melalui ibadah solat dan mendalaminya melalui buku – buku agama seperti Hidup Sesudah Mati. Hilmi juga sering mendekati dirinya dengan ibadah solat setiap kali dia menghadapi masalah .
4	Semangat kerjasama yang membawa kejayaan	Kerjasama.	Kita hendaklah bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara.	<ul style="list-style-type: none"> Encik Bakar menjadi pemimpin quartet yang berjaya kerana mendapat sokongan daripada semua ahli kumpulan yang dianggap seperti satu keluarga. Kejayaan Orkes Hilmi merupakan kejayaan berkumpulan dan semangat itu ditunjukkan ketika Hilmi dimasukkan ke hospital dan pertunjukan Orkes Perdana itu berjaya dan mendapat pujian.

Bil	Persoalan	Nilai	Pengajaran	Huraian/Contoh
5	Mementingkan pangkat daripada kekeluargaan	Hormat-menghormati.	Kita haruslah mengamalkan sikap hormat-menghormati.	<ul style="list-style-type: none"> Datin Salmah lebih mementingkan pangkatnya dan memandang rendah kepada Hilmi. Datuk Johari juga mengikut perangai isterinya itu dan berasa malu kerana keluarga di sebelahnya tidak ada yang berpangkat besar. Apabila Hilmi mencapai kejayaan, mereka mula mengaku Hilmi sebagai anak buahnya.
6	Bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu	Tanggungjawab.	Kita mestilah menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan.	<ul style="list-style-type: none"> Hilmi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai tukang kebun dengan penuh dedikasi dan kreatif sehingga taman rumah Datuk Johari menjadi sangat cantik. Encik Bakar menjalankan tanggungjawabnya dengan baik untuk mengajar Hilmi sehingga Hilmi mahir dalam bidang seni muzik.
7	Keluhuran hati.	Tidak menyimpan dendam.	Kita saling memaafkan dan tidak menyimpan dendam.	<ul style="list-style-type: none"> Hilmi tidak pernah memburukkan Datin Salmah dan Datuk Johari walaupun mereka telah memberikan layanan buruk kepadanya malah memuji mereka dan memberitahu bapanya bahawa merekalah yang membiayainya belajar bermain piano.
8	Insaf atas kesalahan diri sendiri	Keinsafan.	Kita perlu insaf akan kesalahan yang telah kita lakukan.	<ul style="list-style-type: none"> Datin Salmah dan Azizah menyesal kerana telah memberikan layanan yang buruk kepada Hilmi.